

### Langkah Berjaga-jaga Semasa Mencuci

Sila ikut garis panduan berikut semasa mencuci:

- Jangan guna alat pencuci bertekanan tinggi:
  - ▶ Pencuci bertekanan tinggi mampu merosakkan bahagian-bahagian yang lemah dan bahagian-bahagian elektrik juga.
  - ▶ Air di dalam ambilan udara boleh ditarik ke dalam badan pendikit dan/atau memasuki pembersih udara.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada peredam:
  - ▶ Peredam yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin dan menyebabkan peredam berkarat.
- Keringkan brek:
  - ▶ Air akan menjejaskan keberkesanan brek. Sila tekan brek beberapa kali sementara anda biarkan skuter bergerak perlahan untuk membantu mengeringkan skuter.
- Jangan halakan aliran air secara terus ke bahagian bawah tempat duduk:
  - ▶ Ia akan membasahkan dokumen-dokumen anda dan juga barangan lain.

- Jangan halakan aliran air secara terus pada pembersih udara:
  - ▶ Pembersih udara yang basah akan menjejaskan keberkesanan penghidupan enjin.
- Jangan halakan aliran air secara terus pada kawasan berdekatan dengan lampu hadapan:
  - ▶ Lensa di dalam lampu hadapan mungkin berkabut sementara waktu selepas membasuh atau ketika menunggang dalam hujan. Ia tidak memberi kesan kepada fungsi lampu hadapan. Walau bagaimanapun, jika anda melihat sejumlah besar air atau ais terkumpul di dalam lensa, minta wakil pendedar yang sah memeriksa kenderaan anda.
- Jangan gunakan lilin atau kompaun penggilap pada permukaan mat:
  - ▶ Gunakan kain lembut atau span, air yang banyak, dan bahan pencuci yang lembut untuk membersihkan permukaan mat. Keringkan dengan kain yang lembut dan bersih.